

**PERUTUSAN PENGERUSI  
YANG BERUSAHA TUAN KHAIRUL AMIR  
BIN MOHAMAD ZUBIR  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING  
UNTUK MESYUARAT PENUH  
BIL 1/2021 PADA 17 FEBRUARI 2021**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Setiausaha Majlis Perbandaran Taiping,

Yang Bahagia Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping,

Ketua-ketua Jabatan / Bahagian,

Majlis Perbandaran Taiping.

YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat melangkah ke tahun 2021 dan terus berkhidmat dan memberi perkhidmatan kepada warga Taiping. Dalam suasana pandemik COVID-19 yang tidak menentu, kita harus mengalas tugas dan amanah yang diberikan untuk menjelmakan segala perancangan kepada realiti, demi untuk rakyat.

Dikesempatan ini, saya berharap Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian agar terus mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan dari masa ke semasa mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Bermula Mac 2020, kita telah menerima ujian dengan cabaran yang cukup besar dan sehinggalah ke hari ini, kita masih berdepan dengan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Dalam menghadapi suasana seperti ini, MPT telah memberi keutamaan dengan memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah

berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Taiping. Kita juga memberi fokus kepada aspek keselamatan dan kebersihan bagi memastikan masyarakat selamat dari pandemik COVID-19 dengan memantau pematuhan SOP bersama-sama dengan agensi yang lain.

Namun begitu, MPT harus memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dengan melaksanakan SOP dengan norma yang baharu serta memperkasakan sistem yang sedia ada. Antaranya adalah:

## **1.0 KEMUDAHAN SEMAKAN DAN PEMBAYARAN DALAM TALIAN DAN OPERASI KAUNTER BAYARAN**

Orang awam boleh membuat semakan dan pembayaran bil MPT khususnya Bayaran Cukai Taksiran, Kompaun dan Sewaan dalam talian melalui :

- Perbankan atas talian iaitu Maybank2u;
- Laman sesawang <https://ebayar.mptaiping.gov.my/>;
- Laman sesawang <https://pbtpay.kpkt.gov.my/>;
- Aplikasi android di PlayStore, myMPT; dan
- JomPay untuk Cukai Taksiran sahaja.

MPT maklum akan kesukaran orang awam terutama warga emas bagi mengadaptasi sistem pembayaran dalam talian namun orang awam boleh mempelajari cara-cara penggunaan pembayaran dalam talian atau mendapatkan salinan Bil Cukai Taksiran dengan hadir ke Kaunter Bayaran MPT yang dibuka dari jam 8.15 pagi hingga 1.00 tengahari sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

## **2.0 KELONGGARAN TEMPOH BAYARAN CUKAI TAKSIRAN 2020**

Menyedari akan kesukaran rakyat dalam tempoh pandemik, MPT juga memberi kelonggaran kepada pembayar Cukai Taksiran bagi tahun 2020 untuk bayaran penggal kedua yang sepatutnya berakhir pada 31 Ogos 2020 telah dilanjutkan bayaran akhir Cukai Taksiran pada 31 Oktober 2020. Hanya sekiranya mereka yang gagal bayar selepas tempoh tersebut yang dikenakan Notis E dan denda.

## **3.0 SISTEM PENGURUSAN ADUAN DALAM TALIAN DIPERKASA**

Kemajuan teknologi maklumat telah memudahkan pelbagai perkara termasuklah saluran untuk membuat aduan. Terbaru, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan ini merupakan saluran aduan untuk MPT bagi tahun 2021 menggantikan iResponz Plus pada tahun 2020. SISPAA dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) dan penggunaan sistem ini menjadikan lebih sistematik kerana ianya digunakan secara meluas setiap jabatan dan agensi di seluruh Negeri Perak. Orang awam boleh melayari [www.perak.spab.gov.my](http://www.perak.spab.gov.my) untuk membuat sebarang aduan. MPT juga menyediakan perkhidmatan saluran aduan melalui Aplikasi iTegur yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Aplikasi Whataspps di talian 010-8003433 sejak tahun 2019. MPT menggalakkan orang ramai untuk menggunakan saluran aduan ini bagi membolehkan MPT mengambil tindakan yang cepat bagi mana-mana aduan di bawah bidang kuasa MPT.

#### **4.0 PEMAKLUMAN PROJEK NAIK TARAF PASAR BESAR AWAM TAIPING**

Saya juga ingin memaklumkan bahawa projek ini telah bermula 21 Januari 2021 dan dijangka siap pada 22 Mac 2023 dengan peruntukan hampir 9 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bangunan ini adalah merupakan bangunan yang menjadi ikon di bandar Taiping serta tidak asing lagi di kalangan penduduk serta pengunjung. Kepada warga tempatan, pasar yang tertua di Malaysia ini sentiasa menjadi tumpuan untuk mereka mendapatkan keperluan harian khususnya bahan-bahan basah yang segar dan berkualiti di awal pagi. Sementara itu, bagi pelawat mahupun pelancong yang meminati senibina unik dan latar sejarah pembangunan Malaysia akan turut menjadikan pasar ini sebagai satu fokus serta lokasi yang wajib dilawati.

Kaedah pembinaan naik taraf pasar ini perlu dilaksanakan secara teliti dan terperinci bagi memastikan ianya dibina mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara.

Dalam tempoh pembinaan ini, kita berharap mendapat kerjasama yang lebih daripada peniaga dan kepada pengguna kenderaan atau penjalan kaki kita berharap agar sentiasa berhati-hati jika berhampiran kawasan tersebut dan mematuhi arahan keselamatan dari masa ke semasa.

YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan,

## **5.0 OPERASI PEMANTAUAN DAN PENANGKAPAN HAIWAN TERNAKAN MERAYAU DI KAWASAN AWAM**

Berikutan aduan awam yang cukup tinggi berkaitan haiwan ternakan merayau, MPT telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang memasuki kawasan laluan awam dan perumahan di sekitar kawasan Simpang, Aulong, Pokok Assam, Trong dan Batu Kurau. Operasi ini bertujuan untuk mencegah haiwan peliharaan seperti lembu, kambing dan kerbau tidak berkeliaran di kawasan awam yang boleh mengganggu dan membahayakan pengguna jalan raya.

Sepanjang operasi pada tahun 2020, MPT telah membuat tangkapan sebanyak 21 ekor lembu, 2 ekor kerbau dan 45 ekor kambing. Manakala pada bulan Januari 2021, MPT telah berjaya menangkap 4 ekor lembu dan 7 ekor kambing. Tangkapan ini dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Taiping) 2012 kerana membiarkan haiwan ternakan berkeliaran tanpa kawalan.

Sehubungan dengan itu, MPT memohon kerjasama pemilik ternakan supaya mengambil tindakan sewajarnya dengan memastikan haiwan ternakan tidak berkeliaran di tempat awam. MPT akan meneruskan operasi tangkapan haiwan ternakan berkeliaran secara berkala dari masa ke semasa.

## **6.0 SAMBUTAN ULANG TAHUN JUBLI INTAN ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI (1961-2021)**

Pada tahun ini genap 60 tahun penubuhan Zoo Taiping yang telah ditubuhkan pada tahun 1961. Bagi menyambut sambutan ulang tahun ini, beberapa pengisian yang telah dirancang bagi meraikan usaha-usaha yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 60 tahun penubuhan Zoo Taiping. Antaranya adalah Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan yang akan berlangsung pada 7 Mac 2021. Pada Majlis Perasmian ini juga, MPT juga turut bercadang untuk bersama-sama meraikan sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia yang disambut pada 3 Mac setiap tahun. MPT juga bakal mengadakan beberapa program lain sebagai pengisian sepanjang sambutan Ulang Tahun ini antaranya :

1. Tiket percuma kepada pengunjung berusia 60 tahun pada tahun 2021 - Bermula 7 Mac 2021 sehingga Disember 2021;
2. Sambutan Hari Harimau Sedunia - 31 Julai 2021;
3. ZOORAMA 2021 - 11 hingga 18 September 2021;
4. Majlis Makan Malam @ Jalinan Kasih Zoo Taiping & Night Safari - Dicadangkan pada bulan September/ Oktober; dan
5. Sambutan Hari Zoo Sedunia - 23hb Oktober 2021

Kesemua perancangan yang dibuat ini adalah bergantung kepada keadaan semasa dalam mengambil kira aspek keselamatan dan kesihatan kakitangan dan tetamu yang akan hadir.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.